



SOALAN LAZIM (FAQ)
MENGENAI AKTIVITI SUKAN DAN REKREASI DI BAWAH
PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP)

PERTANYAAN UMUM

1. Dimanakah SOP Am Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) seperti di Soalan Lazim ini berkuat kuasa?

SOP Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) ini adalah berkuat kuasa di kawasan yang diwartakan di bawah penguatkuasaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) tertakluk kepada perubahan dan pengumuman Majlis Keselamatan Negara (MKN) daripada semasa ke semasa. Walau bagaimanapun, SOP dan arahan bagi **Sabah dan Sarawak adalah berbeza** dan sila rujuk pautan <https://www.mkn.gov.my/web/ms/sop-pkp-pemulihan/> bagi mendapatkan SOP khusus tersebut.

2. Apakah aktiviti sukan dan rekreasi yang dibenarkan di kawasan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP)?

BIL	DIBENARKAN
1.	Aktiviti sukan dan rekreasi yang dilakukan secara individu di kawasan terbuka tanpa bersentuhan fizikal TERHAD kepada <u>joging, berbasikal dan senaman sahaja</u> dengan mematuhi penjarakan fizikal sekurang-kurangnya 1.5 meter dan dilakukan di kawasan kejiranan atau mana-mana kawasan dalam daerah yang sama tertakluk kepada arahan kawalan pergerakan yang sedang berkuat kuasa.

2.	Penganjuran kejohanan atau pertandingan atau perlawanan persahabatan tempatan dan antarabangsa mengikut model GELEMBUNG SUKAN adalah TERHAD bagi penganjuran Liga Bolasepak Malaysia (MFL) dan mana-mana dengan kebenaran KHAS KBS sahaja TANPA kehadiran penonton.
3.	Program latihan berpusat secara kuarantin yang dilaksanakan oleh Majlis Sukan Negara (MSN) dan Majlis-Majlis Sukan Negeri (MSN Negeri) menggunakan konsep <i>Camp Based Training</i> .
4.	Program latihan berpusat secara kuarantin bagi pasukan-pasukan dalam MFL menggunakan model GELEMBUNG SUKAN (<i>Camp Based Training</i>).
5.	Penyertaan pemain atau peserta atau pegawai atau teknikal Malaysia ke kejohanan atau pertandingan atau perlawanan di luar negara DENGAN sokongan KBS dan kebenaran Jabatan Imigresen Malaysia (JIM).

3. Apakah aktiviti sukan dan rekreasi yang dilarang di kawasan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP)?

BIL	DILARANG
1.	Semua aktiviti sukan dan rekreasi SELAIN daripada yang disenaraikan.
2.	Pengoperasian SEMUA fasiliti atau premis sukan dan rekreasi KECUALI taman-taman awam yang tertakluk kepada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).
3.	Aktiviti sukan dan rekreasi yang dijalankan secara berkumpulan atau melibatkan sentuhan fizikal.
4.	Penganjuran kejohanan atau pertandingan atau perlawanan persahabatan TANPA kebenaran khas KBS .
5.	KEHADIRAN penonton atau penyokong ke stadium atau venue sukan dan rekreasi.
6.	Aktiviti sukan dan rekreasi yang dijalankan di luar atau merentas

	kawasan arahan kawalan pergerakan yang sedang berkuat kuasa KECUALI mendapat kebenaran PDRM.
7.	Aktiviti massa yang menyukarkan penjarakan fizikal seperti <i>fun run</i> , <i>fun ride</i> , <i>marathon</i> , <i>triathlon</i> dan sebagainya.
8.	Penyertaan pemain atau peserta atau pegawai atau teknikal Malaysia ke kejohanan atau pertandingan atau perlawanan di luar negara TANPA sokongan KBS dan kebenaran Jabatan Imigresen Malaysia (JIM).

4. Apakah aktiviti sukan dan rekreasi yang boleh dijalankan sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) berkuat kuasa?

Semua aktiviti sukan dan rekreasi adalah **DILARANG** sepanjang PKP kecuali aktiviti yang boleh dilakukan secara individu di kawasan terbuka tanpa bersentuhan fizikal **TERHAD** kepada jogging, berbasikal dan senaman sahaja dengan mematuhi penjarakan fizikal sekurang-kurangnya 1.5 meter dan dilakukan di kawasan kejiranan atau mana-mana kawasan dalam daerah yang sama tertakluk kepada arahan kawalan pergerakan yang sedang berkuat kuasa.

5. Selain jogging dan berbasikal, apakah jenis senaman yang boleh dilakukan sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) berkuat kuasa?

Aktiviti senaman yang dibenarkan adalah berbentuk **kecergasan sendiri, setempat dan dijalankan secara individu tanpa bersentuhan fizikal** seperti regangan, lompat tali, taichi dan lain-lain yang bersesuaian. Aktiviti hendaklah dilakukan secara **individu, terkawal dan di kawasan terbuka** serta disarankan dilakukan di kawasan kejiranan tertakluk kepada arahan kawalan pergerakan yang sedang berkuat kuasa.

6. **Bagaimana pula dengan sukan elektronik (esports)? Adakah saya dibenarkan bermain sukan elektronik sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) berkuat kuasa?**

Permainan sukan elektronik (*esports*) secara dalam talian adalah **DIBENARKAN** sepanjang PKP berkuat kuasa dan **TERHAD** dimainkan di kediaman masing-masing sahaja tanpa melibatkan perkumpulan pemain.

7. **Adakah terdapat waktu khusus bagi melaksanakan aktiviti sukan dan rekreasi?**

Tiada masa khusus ditetapkan bagi orang awam melakukan aktiviti sukan dan rekreasi sepanjang PKP berkuat kuasa. Namun, orang awam disarankan melakukan aktiviti sukan dan rekreasi yang **DIBENARKAN** sahaja mulai jam 6.00 pagi hingga 8.00 malam atas faktor kesesuaian dan keselamatan.

8. **Adakah saya perlu memakai pelitup muka ketika melakukan aktiviti sukan dan rekreasi?**

TIDAK PERLU. Pelitup muka tidak perlu dipakai ketika melakukan aktiviti sukan dan rekreasi. Walau bagaimanapun, pelitup muka hendaklah sentiasa dipakai sebelum dan selepas melakukan aktiviti sukan dan rekreasi.

PENGANJURAN KEJOHANAN/ PERTANDINGAN SUKAN

9. **Adakah penganjuran kejohanan dan pertandingan sukan tempatan dan antarabangsa dibenarkan di kawasan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP)?**

TIDAK DIBENARKAN. Semua aktiviti penganjuran kejohanan/ pertandingan sukan tempatan dan antarabangsa adalah **DILARANG** kecuali penganjuran dengan model gelembung sukan dan tanpa penonton **TERHAD** kepada Liga Bola Sepak Malaysia di bawah kelolaan *Malaysian Football League* (MFL) dan yang mendapat kebenaran **KHAS KBS sahaja.**

PENYERTAAN ATLET MALAYSIA KE KEJOHANAN/ PERTANDINGAN ANTARABANGSA

10. Saya merupakan atlet negara dalam acara sukan perlumbaan bermotor. Adakah saya dibenarkan keluar negara bagi menyertai siri perlumbaan di Eropah?

Atlet Malaysia yang berhasrat keluar negara bagi menyertai pertandingan atau kejohanan sukan hendaklah memohon secara dalam talian di pautan *MyTravel Pass* (<https://mtp.imi.gov.my/>) dan mematuhi peraturan-peraturan yang telah ditetapkan Jabatan Imigresen Malaysia (JIM). Surat sokongan boleh dimohon secara berasingan ke Kementerian Belia dan Sukan (KBS) bagi tujuan muat naik dan pertimbangan JIM.

11. Apakah prosedur dan dokumen yang diperlukan bagi mendapatkan surat sokongan daripada Kementerian Belia dan Sukan (KBS)?

TUJUAN	Permohonan mendapatkan surat sokongan KBS bagi tujuan penyertaan kejohanan/ pertandingan sukan dan rekreasi di luar negara.
DOKUMEN YANG DIPERLUKAN	<ol style="list-style-type: none">i. Surat permohonan rasmi pemohonii. Surat jemputan penganjur berserta SOP/ protokol pencegahan jangkitan COVID-19 termasuklah peraturan-peraturan yang sedang berkuat kuasa di negara penganjuran/ destinasi.iii. Surat sokongan daripada Badan Sukan dan Rekreasi Indukiv. Senarai nama atlet dan pegawai yang dijemput penganjurv. Salinan passport (tarikh luput passport adalah tidak kurang 6 bulan daripada tarikh kejohanan/ pertandingan)

PENGHANTARAN DOKUMEN KE KBS	Dokumen boleh diserahkan secara pos atau serahan tangan kepada: SEKRETARIAT SOP SEKTOR SUKAN DAN REKREASI JABATAN BELIA DAN SUKAN NEGARA Kementerian Belia dan Sukan Aras 13, Menara KBS No. 27, Persiaran Perdana, Presint 4 Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan 62570, Wilayah Persekutuan Putrajaya
--------------------------------------------	--------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------

OPERASI PEJABAT PENTADBIRAN PERSATUAN SUKAN

12. Adakah pejabat pentadbiran dan operasi persatuan sukan yang berdaftar di bawah PJS dibenarkan beroperasi sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) berkuat kuasa?

Dibenarkan bagi tujuan pengurusan dan pentadbiran mengikut SOP berkaitan yang dikeluarkan Majlis Keselamatan Negara (MKN). Walau bagaimanapun, persatuan sukan adalah digalakkan untuk bekerja dari rumah (*work from home*) sepanjang **Perintah Kawalan Pergerakan (PKP)** berkuat kuasa.

OPERASI FASILITI DAN KEMUDAHAN SUKAN

13. Adakah fasiliti sukan dan rekreasi awam dibenarkan beroperasi di bawah Perintah Kawalan Pergerakan (PKP)?

TIDAK DIBENARKAN. Pengoperasian fasiliti/ premis sukan dan rekreasi adalah tidak dibenarkan di kawasan PKP termasuklah di kediaman berstatus strata, hotel dan sebagainya **TERTAKLUK** kepada perubahan daripada semasa ke semasa.

14. Adakah saya dibenarkan menjalankan urusan pentadbiran dan penyelenggaraan di premis sukan dan rekreasi komersial walaupun operasi adalah dilarang sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan (PKP)?

DIBENARKAN. Urusan pentadbiran dan penyelenggaraan **TANPA** kehadiran pengguna/ pelanggan adalah dibenarkan. Kehadiran pekerja adalah tertakluk kepada SOP berkaitan yang dikeluarkan Majlis Keselamatan Negara (MKN).

15. Notifikasi beroperasi fasiliti sukan dan rekreasi komersial saya adalah aktif dan tidak digantung di dalam sistem CIMS 3.0 (notification.miti.gov.my), adakah ia bermaksud saya boleh membenarkan pelanggan menggunakan fasiliti tersebut?

TIDAK DIBENARKAN. Hanya urusan pentadbiran dan penyelenggaraan **TANPA** kehadiran pengguna/ pelanggan sahaja yang dibenarkan sepanjang PKP berkuat kuasa. Sehubungan itu, surat yang dikeluarkan sistem CIMS 3.0 boleh digunakan bagi tujuan semakan pergerakan PDRM, pemeriksaan premis/ fasiliti dan sebagainya yang berkaitan.

16. Sampai bilakah penutupan premis/ fasiliti sukan dan rekreasi ini akan berkuat kuasa?

Tarikh kuat kuasa PKP dan larangan aktiviti sukan dan rekreasi adalah dari **12 Mei sehingga 7 Jun 2021** seperti yg telah diumumkan oleh YB Menteri Kanan Pertahanan **TERTAKLUK** kepada perubahan daripada semasa ke semasa.

KBS yakin keputusan ini adalah bersifat sementara dan sentiasa menyokong usaha yang dijalankan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) demi membendung penularan COVID-19 seterusnya melandaikan lengkung jangkitan. Penilaian risiko oleh pihak berkuasa berkaitan seperti KKM akan dibuat dari semasa ke semasa dan kebenaran bagi sektor/ aktiviti sukan dan rekreasi untuk dibenarkan beroperasi semula adalah menjadi komitmen utama KBS.

LAIN-LAIN PERTANYAAN

17. Apakah yang dimaksudkan dengan Rakan Muda *Sports Bubble Volunteers* (RMSBV)?

RMSBV merupakan inisiatif baharu Kementerian Belia dan Sukan dalam usaha memperkasakan komuniti melibatkan pembudayaan norma baharu di bawah pengurusan pandemik COVID-19. Inisiatif ini melibatkan sukarelawan daripada seluruh negara di bawah pengurusan dan pentadbiran Jabatan Belia dan Sukan Negara (JBSN). RMSBV juga akan menjalankan kerja-kerja kesukarelawanan bagi memantau pematuhan SOP melibatkan fasiliti dan penganjuran kejohanan/ pertandingan sukan serta menjalankan kerja-kerja advokasi.

18. Apakah yang dimaksudkan dengan “kawalan penyeliaan”?

Kawalan penyeliaan bermaksud operator premis hendaklah memastikan kawalan dan pemantauan bagi aktiviti sukan dan rekreasi yang dijalankan di premis masing-masing mematuhi SOP Sektor Sukan dan Rekreasi dengan menugaskan pengurus/ penyelia/ instruktur/ krew/ jurulatih/ pentadbir/ petugas supaya sentiasa berada di premis dan memantau pematuhan SOP oleh pengguna sepanjang tempoh operasi.

Bagi kawasan terbuka/ awam yang tiada kawalan penyeliaan, setiap individu bertanggungjawab memastikan kawalan sendiri dalam pematuhan SOP.

19. Adakah saya dibenarkan untuk melakukan perjalanan merentas negeri dan daerah bagi tujuan sukan dan rekreasi?

TIDAK DIBENARKAN. Perjalanan merentas negeri dan daerah bagi tujuan sukan dan rekreasi di bawah **Perintah Kawalan Pergerakan (PKP)** adalah dilarang **KECUALI** mendapat kebenaran PDRM.

20. Adakah seminar/ bengkel/ kursus/ persidangan/ ceramah berkenaan sukan dibenarkan untuk dianjurkan di bawah Perintah Kawalan Pergerakan (PKP)?

Penganjuran seminar/ bengkel/ kursus/ persidangan/ ceramah secara fizikal adalah **DILARANG** di bawah **Perintah Kawalan Pergerakan (PKP)** tertakluk kepada perubahan daripada semasa ke semasa. Penganjur digalakkan untuk melaksanakan seminar/ bengkel/ kursus/ persidangan/ ceramah secara dalam talian.

MAKLUMAT PERHUBUNGAN

21. Di manakah saya boleh mendapatkan maklumat mengenai SOP Sektor Sukan dan Rekreasi sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) berkuat kuasa?

Orang ramai boleh mengakses dan mendapatkan maklumat mengenai SOP Sektor Sukan dan Rekreasi di pautan <https://www.mkn.gov.my/web/ms/sop-pkp-pemulihan/> atau <http://www.kbs.gov.my/sopsukanrekreasi>. Selain itu, Bilik Gerakan SOP Sektor Sukan dan Rekreasi juga boleh dihubungi melalui e-mel sopsportrec@kbs.gov.my atau panggilan telefon ke:

BIL	Nombor Telefon	Waktu Operasi
1.	03-8871 3585	Isnin – Jumaat (8.00 pagi – 5.00 petang) (KECUALI CUTI UMUM)
2.	03-8871 3246	

Selain itu, orang ramai juga boleh berhubung dan mengunjungi Jabatan Belia dan Sukan Negeri (JBS Negeri) dan Pejabat Belia dan Sukan Daerah/ Bahagian/ Kawasan yang berhampiran. Maklumat pejabat boleh dirujuk di <http://www.jbsn.gov.my/>

DIKELUARKAN OLEH:

KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN
23 Mei 2021